BAHARUDDIN ARSHAD & SATU LAGI

lwn.

ZALMAN YA'ACOB

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMEL MAAMOR H
[RAYUAN SIVIL NO: R2-12-240-1998]
26 DISEMBER 1998

KETERANGAN: *Beban pembuktian - Kemalangan maut - Samada tuntutan terbukti atas imbangan kebarangkalian*

KECUAIAN: *Kemalangan maut - Rajah kasar - Keraguan didalam rajah kasar - Samada pegawai penyiasatan kemalangan dan orang yang membuat rajah kasar patut dipanggil untuk memberi keterangan*

Perayu sebagai orang tanggungan telah menuntut gantirugi di atas kematian anak mereka akibat daripada satu kemalangan jalanraya. Setelah pembicaraan penuh dijalankan di Mahkamah Sesyen, tuntutan perayu telah ditolak. Perayu telah merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan ini.

Di dalam pembicaraan penuh di Mahkamah Sesyen, pihak perayu telah memanggil tiga orang saksi dan responden sendiri telah memberi keterangan. Walaubagaimana pun, tidak ada apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa responden telah bertindak cuai. Pihak perayu telah memohon supaya tidak menerima keterangan responden. Lebih lagi, pegawai penyiasat yang membuat rajah kasar tidak dipanggil untuk memberi keterangan walaupun terdapat 2 tempat yang bertanda "x" didalam rajah kasar.

Diputuskan:

[1] Adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa di dalam apa-apa tuntutan, pihak yang minta dibebankan untuk membuktikan kesnya. Di dalam kes sivil, beban pembuktian itu adalah di atas imbangan kebarangkalian.

[2] Tanpa keterangan responden tidak ada apa-apa keterangan yang boleh membuktikan kecuaian responden. Keraguan di dalam rajah kasar mengenai tempat perlanggaran hanya boleh dijelaskan jika pegawai penyiasat yang telah menyiasat kemalangan tersebut dan juga orang yang membuat rajah kasar dipanggil untuk memberi keterangan. Pengemukaan rajah kasar itu sahaja tanpa apa-apa penjelasan tidak dapat memberi apa-apa makna.

[3] Perayu telah gagal sama sekali untuk membuktikan kecuaian responden terhadap kemalangan jalanraya tersebut.

[Rayuan ditolak dengan kos.]

Kes yang dirujuk:

Hussaina Rani Naina Mohamed v. Ahmad Nadzri Kamaruddin & Anor [1997] 3 CLJ 500 ***(diikuti)***

Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor [1997] 4 CLJ 509 ***(diikuti)***

Bagi pihak perayu - Amarjeet Singh (Sarjeet Singh bersamanya); T/n Daljeet S Sachdev & Co

Bagi pihak responden - Arunan; T/n Rusmah Arunan & Assoc

Dilaporkan oleh Cindy Chan

PENGHAKIMAN

Azmel Maamor H:

Perayu/plaintif sebagai orang-orang tanggungan telah menuntut gantirugi am dan gantirugi khas diatas kematian anak mereka akibat daripada kemalangan jalanraya yang berlaku pada 25 Januari 1996 jam lebih kurang 12.15 malam diantara motorsikal simati nombor pendaftaran WEQ 1098 dan motorkar responden nombor pendaftaran BDY 6791 dipersimpangan Jalan Setiawangsa dan Jalan Bukit Setiawangsa. Setelah perbicaraan penuh dijalankan di Mahkamah Sesyen hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan untuk menolak tuntutan plaintif/perayu. Oleh kerana tidak puas hati dengan keputusan tersebut perayu telah mengemukakan rayuan ini ke Mahkamah Tinggi.

Setelah menimbangkan hujahan-hujahan lisan daripada peguam kedua belah pihak dan juga hujahan-hujahan bertulis mereka serta mengambil kira alasan penghakiman hakim Mahkamah Sesyen saya telah memutuskan untuk tidak mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh hakim Mahkamah Sesyen oleh kerana saya bersetuju sepenuhnya dengan keputusan beliau.

Adalah menjadi satu prinsip undang-undang bahawa didalam apa-apa tuntutan pihak yang minta dibebankan untuk membuktikan kesnya. Didalam tuntutan sivil beban pembuktian itu adalah diatas imbangan kebarangkalian. Ini jelas dinyatakan didalam kes Mahkamah Rayuan *Hussaina Rani Naina Mohamed v. Ahmad Nadzri Kamaruddin & Anor* [1997] 3 CLJ 500. Keputusan YA Abdul Malik Ahmad HMR di bahagian "Headnotes" berbunyi:

> (i) The onus of proving negligence on the part of the defendant is on the plaintiff. Where he fails to discharge it either by his own evidence or by cross-examination of the defendant or by admission made by the defendant, his claim fails.

Didalam pembicaraan penuh di Mahkamah Sesyen, pihak plaintif telah memanggil tiga orang saksi. Walaubagaimana pun tidak seorang pun saksi-saksi tersebut menceritakan bagaimana kemalangan itu terjadi dan tidak ada apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa defendan telah bertindak cuai. Defendan sendiri telah memberi keterangan. Tetapi tidak ada apa-apa

keterangan yang boleh menunjukkan bahawa defendan telah melakukan satu kecuaian waktu kemalangan berlaku. Bahkan didalam penghujahan bertulis peguam plaintif di Mahkamah Sesyen, beliau telah memohon kepada mahkamah supaya tidak menerima keterangan defendan. Oleh itu tanpa keterangan defendan apakah keterangan yang ditimbulkan yang boleh membuktikan kecuaian defendan terhadap kemalangan jalanraya tersebut. Rajah kasar tempat kemalangan yang dibuat oleh pegawai penyiasat telah diterima sebagai exhibit. Akan tetapi pengemukaan rajah kasar itu sahaja tanpa apa-apa penjelasan tidak dapat memberi apa-apa makna. Pegawai penyiasat yang membuat rajah kasar itu tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Satu daripada fakta yang sangat penting yang perlu diterangkan mengenai rajah kasar itu ialah dimana tempat perlanggaran berlaku. Didalam rajah kasar ada dua tempat yang bertanda "x". Kunci rajah kasar tidak pula menjelaskan apakah tempat yang bertanda "x" itu. Saya berpendapat keraguan ini hanya boleh dijelaskan jika pegawai penyiasat yang telah menyiasat kemalangan tersebut dan juga orang yang membuat rajah kasar itu dipanggil untuk memberi keterangan. Didalam keadaan yang demikian pihak perayu yang cuba hendak menggunakan doktrin *res ipsa loquitur* tidak berkejayaan. Pemakaian doktrin *res ipsa loquitur* telah dijelaskan dengan panjang lebar didalam kes *Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor* [1997] 4 CLJ 509. Memadailah jika saya cuma menurunkan sepotong perenggan dari "Headnotes" kes tersebut yang berbunyi:

> [3b] The mere happening of an accident is not *res ipsa loquitur*. However, if the accident involves a demonstrable degree of negligence, be it a minor one, then the doctrine, which is a rule of evidence applies.

Memandangkan bahawa pihak perayu telah gagal sama sekali untuk membuktikan kecuaian responden terhadap kemalangan jalanraya tersebut saya memutuskan supaya rayuan ini ditolak dengan kos.